

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 33

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan daripada siasatan Kerajaan Indonesia, siapakah yang sebenarnya telah menyebabkan kebakaran besar-besaran di Indonesia pada bulan September 2019 yang menyebabkan jerebu tebal menyelubungi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, pihak Kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai syarikat yang telah dikenalpasti terlibat dan menyumbang kepada krisis jerebu pada tahun ini. Walau bagaimanapun, Malaysia berpendirian bahawa pihak Indonesia berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana syarikat atau individu yang melakukan pembakaran terbuka di negara tersebut berlandaskan peruntukan undang-undang domestik yang dikuatkuasakan. Sekian, terima kasih.